

PENGGUNAAN PLATFORM PEMBELAJARAN DALAM TALIAN DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH SEWAKTU PANDEMIK COVID-19

Nur Iffah Aqilah Binti Ahmad Zabidi
Rosfizah Binti Md. Taib

ABSTRAK

Pandemik COVID-19 telah mengubah kaedah pendidikan di Malaysia. Platform pembelajaran dalam talian membantu dalam menghubungkan guru dengan pelajar untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian setiap hari sepanjang pandemik COVID-19 ini. Penggunaan platform pembelajaran dalam talian memerlukan kemahiran teknologi bagi setiap individu yang menggunakannya. Perkembangan pelbagai teknologi terkini seperti platform pembelajaran dalam talian yang pesat telah mengorak langkah ke arah suatu persekitaran yang baharu serba mencabar dalam bidang pengajaran dan pembelajaran (PdP). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka pengalaman dan isu yang timbul berkaitan penggunaan platform pembelajaran dalam talian terhadap pelajar-pelajar sekolah menengah sewaktu pandemik COVID-19. Kajian ini mengguna pakai metodologi kualitatif secara kajian kes di sebuah sekolah menengah di Selangor. Seramai 2 orang pelajar telah dipilih sebagai responden temu bual kajian ini dengan menggunakan teknik pensampelan mudah dan bertujuan. Data ini kemudiannya telah dianalisis dengan menggunakan analisis tematik untuk mengenal pasti corak atau tema bagi menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 8 tema menggambarkan pengalaman yang dilalui responden, antaranya; dari segi kemudahan sistem, sokongan, kelengkapan peralatan, dan pengetahuan teknologi. Seterusnya, responden telah berhadapan dengan 4 tema cabaran dalam menggunakan platform pembelajaran dalam talian sewaktu pandemik COVID-19 termasuk kesukaran memberikan jawapan dan gangguan capaian internet. Rumusnya, kajian ini diharapkan boleh menjadi panduan kepada semua pihak khususnya para guru, pihak sekolah, kementerian, dan ibu bapa dalam memahami situasi yang dialami pelajar sekolah menengah berkaitan dengan penggunaan platform pembelajaran dalam talian sewaktu pandemik COVID-19.

Kata kunci: Pembelajaran dalam Talian; Platform Pembelajaran dalam Talian; Pandemik Covid-19; Pelajar Sekolah Menengah.

PENDAHULUAN

Untuk menjaga keselamatan rakyat daripada terkena jangkitan wabak COVID-19 ini, kerajaan telah memutuskan untuk menggunakan kaedah pembelajaran dalam talian dalam seluruh aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengarahkan semua sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran secara maya (Azlan Shaiful Baharum, Khairul Asyraf Mohd Nathir, & Amani Nawi, 2020). Bermula 1 Jun 2020 yang lalu, para pelajar telah menjalani proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian (Azlan Shaiful Baharum, Khairul Asyraf Mohd Nathir, & Amani Nawi, 2020). Setiap pelajar seharusnya cenderung untuk terus menggunakan platform pembelajaran secara dalam talian bagi memastikan proses PdP dapat terus dilaksanakan dengan berkesan (Muhammad Nazri Abdul Rahman, Mohd Nazri Hassan, & Siti Nurashiken Md Sabuddin, 2020). Pelbagai faktor yang mempengaruhi pemilihan pelajar dalam menggunakan platform pembelajaran yang mereka suka. Platform pembelajaran dalam talian mempunyai pelbagai fungsi dan jenis seperti Google Meet, Telegram, Whatsapp, Google Classroom, Zoom, Webex, dan banyak lagi. Setiap platform tersebut memerlukan kemahiran teknologi bagi setiap individu yang menggunakannya. Perkara ini akan menjadi satu cabaran bagi guru dan pelajar jika mereka tidak mempunyai kemahiran yang baik dalam penggunaan teknologi.

PERNYATAAN MASALAH

Kaedah pembelajaran di Malaysia telah berubah sepenuhnya, pelajar terpaksa melalui satu fasa pembelajaran yang sangat berbeza apabila berlakunya penularan pandemik COVID-19 (Azlan Shaiful Baharum, Khairul Asyraf Mohd Nathir, & Amani Nawi, 2020). Guru melihat bahawa pelajar belum dapat menyesuaikan diri sepenuhnya dalam kelas maya kerana suasananya berbeza daripada kelas biasa (Zawiah Bahrom, 2020). Pengajaran dan pembelajaran dalam talian yang dilakukan di pelbagai sekolah dan universiti memerlukan guru dan pelajar untuk dapat menyesuaikan diri dengan pelbagai platform pembelajaran yang digunakan (Dewi Surani & Hamidah, 2020). Kebanyakan pelajar mengakui bahawa mereka tidak dapat menyesuaikan diri dengan platform pembelajaran dalam talian akibat terpaksa berhadapan dengan pelbagai kekangan terutamanya gangguan internet yang tidak stabil (Azlan Shaiful Baharum, Khairul Asyraf Mohd Nathir, & Amani Nawi, 2020). Bukan itu sahaja, guru juga perlu sedar bahawa pelajar akan mudah hilang fokus dan tidak bersemangat untuk meneruskan pembelajaran jika guru sering menggunakan platform yang menyukarkan mereka. Sekiranya hal ini berterusan, kemungkinan para pelajar boleh mengalami kemurungan dek terlampau tertekan. Menurut Dewi Surani dan Hamidah (2020), terdapat beberapa kes pelajar dilaporkan telah mengalami gangguan mental dan tekanan kerana mereka tidak dapat mengikuti proses pembelajaran dalam talian dengan betul.

Pelajar mempunyai tanggapan dan cita rasa tersendiri dalam pemilihan platform pembelajaran yang dirasakan sesuai dengan kemahiran pengetahuan teknologi mereka (Zawiah Bahrom, 2020). Mereka akan bersemangat untuk meneruskan pembelajaran dalam talian dengan menggunakan mana-mana platform pembelajaran sekiranya mereka dapat menyesuaikan diri dengan platform tersebut. Walau bagaimanapun, kita harus akur yang pelajar tetap meneruskan penggunaan platform pembelajaran dalam talian yang digunakan oleh guru mereka biarpun pada masa yang sama, mereka sebenarnya berhadapan dengan pelbagai kekangan dan cabaran.

Maka, secara asasnya, kecenderungan pelajar terhadap sebarang penggunaan platform pembelajaran yang digunakan oleh guru di sekolah boleh mempengaruhi suasana keseluruhan aktiviti PdP antara kedua-dua pihak; guru dan pelajar di sekolah. Justeru, pengkaji memfokuskan kajian ini bagi menyingkap pengalaman yang dilalui para pelajar sekolah berhubung penggunaan platform pembelajaran dalam talian sewaktu pandemik COVID-19.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya, kajian ini dilaksanakan untuk:

1. Meneroka pengalaman pelajar-pelajar sekolah menengah terhadap penggunaan platform pembelajaran dalam talian sewaktu pandemik COVID-19; dan,
2. Mengkaji sebarang isu yang timbul berkaitan penggunaan platform pembelajaran dalam talian terhadap pelajar-pelajar sekolah menengah sewaktu pandemik COVID-19.

PERSOALAN KAJIAN

1. Sejauh manakah pengalaman yang dilalui oleh pelajar-pelajar sekolah menengah terhadap penggunaan platform pembelajaran dalam talian sewaktu pandemik COVID-19?; dan,
2. Sejauh manakah pelajar-pelajar sekolah menengah mengatasi sebarang isu berkaitan dengan penggunaan platform pembelajaran dalam talian sewaktu pandemik COVID-19?

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini sememangnya adalah untuk menyedarkan guru, pihak sekolah, kementerian, dan ibu bapa terhadap situasi pelajar sekolah menengah dalam menggunakan platform pembelajaran dalam talian sewaktu pandemik COVID-19. Kajian ini dapat membantu guru dan pihak sekolah untuk melihat isu yang dihadapi oleh pelajar sekolah menengah terhadap penggunaan platform pembelajaran dalam talian sewaktu pandemik COVID-19. Guru dan pihak sekolah boleh cuba untuk memahami pelajar dengan meninjau pengalaman mereka menggunakan platform pembelajaran dalam talian sewaktu pandemik COVID-19 agar dapat mengatasi cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh pelajar. Bukan itu sahaja, keadaan sewaktu pandemik COVID-19 ini memerlukan tindakan pantas daripada pihak berwajib seperti pihak kerajaan dan Kementerian Pengajian Tinggi untuk membuat keputusan terbaik bagi mengelakkan jangkitan melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Abdul Rashid Abdul Aziz, Amin Al Haadi Shafie, Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee, & Raja Nur Syafiqah Raja Ashaari, 2020). Maka, melalui kajian ini, pihak kementerian boleh mengenalpasti polisi yang terbaik bagi membendung isu dan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh pelajar sekolah menengah dalam penggunaan platform pembelajaran dalam talian sewaktu pandemik COVID-19. Ibu bapa turut menerima kesan terhadap pembelajaran secara dalam talian sewaktu pandemik COVID-19 ini. Oleh itu, melalui kajian ini, ibu bapa diharapkan dapat memahami keadaan pelajar sekolah menengah dengan memahami pengalaman yang mereka telah hadapi semasa mengikuti pembelajaran secara dalam talian dengan menggunakan platform pembelajaran.

SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kajian ini berfokuskan kepada pengalaman pelajar sekolah menengah semasa pembelajaran dalam talian berlangsung sahaja. Maka, kajian ini tidak menerangkan pengalaman pelajar sekolah menengah semasa pembelajaran bersemuka berlaku. Kajian ini meninjau pengalaman pelajar sekolah menengah semasa sesi pembelajaran dalam talian berlangsung sewaktu pandemik COVID-19 sahaja dan ia tidak menerangkan fenomena fasa pra pandemik COVID-19. Kajian ini juga dilaksanakan di sebuah sekolah menengah sahaja dan bukan di mana-mana sekolah rendah mahupun Institusi Pengajian Tinggi (IPT) lain.

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian Kualitatif

Pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif untuk melihat pengalaman pelajar sekolah menengah dalam meneruskan penggunaan platform pembelajaran dalam talian sewaktu pandemik COVID-19. Creswell (dalam Michael Murders, 2017) mendakwa bahawa penyelidikan kualitatif sangat sesuai untuk menyelidiki fenomena yang berlaku iaitu kita boleh mempelajari dengan lebih mendalam melalui penerokaan untuk mengkaji apa-apa pemboleh ubah. Kaedah kualitatif juga membantu dalam memahami setiap fenomena yang mempunyai maklumat terhad (Michael Murders, 2017). Menurut Bogdan dan Biklen (dalam Roslina Mohd Nor, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, & Hamdzun Haron, 2020), rasional pemilihan penyelidikan kualitatif adalah untuk menambah pengetahuan dan lebih memahami tingkah laku manusia serta pengalaman mereka. Oleh itu, pemilihan kajian kualitatif menguatkan lagi pandangan pengkaji kerana kajian ini bertujuan untuk meneroka dengan lebih mendalam tentang pengalaman pelajar sekolah menengah dalam aspek penggunaan platform pembelajaran dalam talian sewaktu pandemik COVID-19 (Zuridah Hanim Md. Akhir, 2018).

Pendekatan Kajian Kes

Menurut Cresswell, 2013; Marohaini, 2004; Yin, 2013 (dalam Kalai Selvan Arumugham, 2018), kajian kes merupakan sejenis kajian yang memberi fokus kepada tingkah laku, kejadian sebenar atau sesuatu fenomena yang sedang berlaku dan memerlukan penyiasatan. Pendekatan kajian kes berbentuk kualitatif membantu penyelidik mencari jawapan kepada persoalan kajian yang telah dibentuk (Zuridah Hanim Md. Akhir, 2018). Hal ini kerana kajian kes merupakan eksplorasi ke atas satu sistem (Cresswell dalam Zuridah Hanim Md. Akhir, 2018). Selain itu juga, kajian kes melibatkan aktiviti kutipan data secara terperinci dan mendalam (Creswell & Merriam dalam Zuridah Hanim Md. Akhir, 2018), serta dapat membantu memberi pemahaman dalam konteks sebenar sesuatu fenomena kepada penyelidik (Yin dalam Zuridah Hanim Md. Akhir, 2018). Rumusnya, pengkaji telah memilih untuk menggunakan pendekatan kajian kes kerana ia berupaya membantu pengkaji mengupas dan menyingkap pengalaman yang dilalui oleh pelajar sekolah menengah terhadap penggunaan platform pembelajaran dalam talian sewaktu pandemik COVID-19.

INSTRUMEN KAJIAN

Kaedah Temu Bual

Pengkaji menjalankan temu bual dengan melakukan temu bual terhadap pelajar di sebuah sekolah menengah di Selangor yang menggunakan platform pembelajaran dalam talian sewaktu pandemik COVID-19 sahaja. Responden dapat meluahkan segala pendapat mereka berpandukan pengalaman yang mereka alami sendiri. Pengkaji menerima kesemua maklum balas daripada responden dan memberi peluang kepada mereka untuk menceritakan segala pengalaman tanpa menghukum atau memperkecilkan jawapan responden. Untuk memahami pengalaman dan cabaran setiap responden dalam menggunakan platform pembelajaran dalam talian sewaktu COVID-19, mereka telah diberikan soalan separa berstruktur bagi memimpin pengkaji mengakses perasaan mereka dan menceritakan segala pengalaman sebenar sewaktu menggunakan platform pembelajaran dalam talian sewaktu pandemik COVID-19 (Michael Murders, 2017). Menurut Robson (2002) (dalam Kalai Selvan Arumugham, 2018), kandungan protokol temu bual, penerangan yang diberikan serta pemilihan dan penyusunan soalan yang diaju, kesemuanya akan diubah suai mengikut persepsi pengkaji berdasarkan keperluan dan kesesuaian sewaktu sesi temu bual dijalankan. Pengkaji telah menyediakan soalan protokol temu bual yang mengandungi soalan pengenalan, soalan transisi, soalan kunci, dan akhir sekali soalan penutup (Noraini dalam Fenny Lau Yeo Feng, Kee Guek Fen, Khoo Phau Liang, & Lee Huoy Shin, 2021).

ANALISIS DATA

Analisis tematik digunakan untuk menganalisis kajian kualitatif bagi soalan terbuka separa berstruktur. Braun & Clarke (2006) menegaskan bahawa analisis tematik boleh dianggap sebagai pendekatan paling berpengaruh kerana ia menawarkan kerangka kerja yang jelas dan berguna untuk dimanfaatkan oleh para penyelidik kualitatif (Moira Maguire dan Brid Delahunty, 2017).

Selanjutnya, analisis data tematik Braun & Clarke (2006) boleh berasaskan kepada enam (6) langkah berikut:

Jadual 1

Kerangka Enam Fasa Braun & Clarke's (2006): Analisis Tematik

Langkah 1: Kenali Data	Langkah 4: Tinjau Tema
Langkah 2: Membuat Kod Awal	Langkah 5: Tentukan Tema
Langkah 3: Mencari Tema	Langkah 6: Menulis

DAPATAN KAJIAN

Pengalaman Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Penggunaan Platform Pembelajaran Dalam Talian Sewaktu Pandemi Covid-19.

Kemudahan sistem

TEMA 1: Pelajar gemar menggunakan platform pembelajaran dalam talian yang mempunyai pelbagai bentuk kemudahan sistem komunikasi.

Pengkaji telah mendapati bahawa pelajar mengatakan yang mereka gemar menggunakan platform pembelajaran dalam talian yang mempunyai pelbagai bentuk kemudahan sistem komunikasi. Tema ini diambil berdasarkan soalan pengenalan (S2), transisi (S2) dan kunci (S1) (S2). Responden 1 telah memberi maklum balas bahawa, "Saya lebih sukakan ruangan mesej yang disediakan dalam platform pembelajaran seperti Google Meet mempunyai ruangan untuk mesej"; "Kawan saya Seleena, dia tidak boleh buka mikrofon sebab rosak jadi dia guna ruangan mesej untuk komunikasi"; "Jadi ruangan mesej membantu untuk orang yang tidak boleh guna mikrofon kita boleh guna ruangan mesej." Pada pandangan responden 1, ruangan mesej dalam Google Meet membantu kawannya untuk berkomunikasi dengan guru jika disoal. Responden 2 mengatakan bahawa, "Google meet boleh *raise hand* jadi tidak perlu buka mikrofon, kita tidak menyampuk cakap cikgu." Maka responden 2 berpendapat bahawa, kemudahan dalam Google Meet telah membantu mereka untuk menanyakan soalan kepada guru tanpa mengganggu penerangan guru.

TEMA 2: Pelajar hanya akan menerima dan menghantar tugas di platform pembelajaran dalam talian yang mudah untuk mereka guna/akses sahaja.

Pelajar telah memberi maklum balas dalam soalan kunci (S3) yang menunjukkan bahawa pelajar hanya akan menerima dan menghantar tugas yang diberikan oleh guru di platform pembelajaran dalam talian yang mudah untuk mereka guna/akses sahaja. Hal ini disokong oleh maklum balas yang diberikan oleh responden 1 pada soalan kunci nombor 3, pelajar ini mengatakan bahawa, “Kalau cikgu bagi pada kedua-dua platform, saya memang buka di Telegram sahaja sebab mudah dan cepat. Jika muat naik *file* dekat Google Classroom tidak boleh banyak sekali kerana perlu muat naik satu-satu, nak hantar kerja jadi lambat”. Responden 1 berpendapat bahawa, beliau akan melihat tugas yang guru bagi hanya di platform pembelajaran yang dirasakan mudah untuk akses. Responden 1 mengatakan bahawa, “Google Classroom agak keliru sikit apabila saya ingin menghantar kerja sebab hari itu saya dah hantar kerja dan ia bertukar *hand in* tapi cikgu kata bertukar *turn in* jadi agak keliru sikit.” Responden 1 juga mengatakan bahawa, “Pelajar tidak berapa gemar untuk melihat tugas di platform pembelajaran yang susah akses seperti Google classroom, lebih-lebih lagi kalau cikgu dah hantar tugas dekat platform lain macam Telegram yang lagi mudah nak akses, pelajar akan pilih Telegram.” Maka, pengkaji boleh lihat dari maklum balas responden 1 bahawa pelajar akan memilih platform pembelajaran yang tidak mengelirukan mereka untuk menghantar tugas.

TEMA 3: Pelajar lebih gemar menggunakan platform pembelajaran dalam talian yang tidak memerlukan mereka untuk mengisi kehadiran.

Melalui maklum balas responden 2 pada soalan kunci nombor 3, data tersebut sesuai dengan tema pelajar lebih gemar menggunakan platform pembelajaran dalam talian yang tidak memerlukan mereka untuk mengisi kehadiran. Responden 2 telah mengatakan, “Kalau kelebihan Google Meet, senang nak isi kehadiran pelajar sebab pelajar tak perlu bagi nama. Sebab apabila pelajar akses link Google Meet, kehadiran akan terus masuk dalam sistem cikgu.” Melalui pengalaman responden 2, “Setiap pelajar dah ada email MOE masing-masing jadi mudah hanya guna email MOE, kehadiran diambil terus apabila guna Google Meet.” Data temu bual tersebut memperlihatkan bahawa pelajar inginkan platform pembelajaran dalam talian yang mudah untuk diambil kehadiran.

TEMA 4: Pelajar boleh mencari semula maklumat atau tugas pembelajaran lepas dengan mudah apabila menggunakan platform pembelajaran dalam talian.

Berdasarkan maklum balas responden 1 pada soalan transisi (S2), kunci (S1) (S5) (S7) dan penutup (S2) menunjukkan bahawa pelajar boleh mencari semula maklumat atau tugas pembelajaran lepas dengan mudah apabila menggunakan platform pembelajaran dalam talian. Responden 1 mengatakan bahawa, “Dekat Telegram maklumat cikgu bagi tidak hilang.”; “Kita boleh *scroll* panjang-panjang nak cari balik tugas cikgu bagi sebelum ini”; “Saya guna ruangan carian di Telegram. Macam dekat Telegram ada tempat kita boleh cari maklumat di ruangan carian macam contoh cikgu ada bagi nota bab 7 Sejarah jadi saya taip sahaja dan akan ada *link-link* atau *file* yang akan keluar.” Responden 1 juga ada mengatakan bahawa, “Boleh cari drama dan pelbagai maklumat di Telegram”. Melalui pengalaman pelajar, menunjukkan bahawa mereka mudah untuk mencari semula kerja-kerja atau tugas pembelajaran lepas yang guru bagi apabila menggunakan platform pembelajaran dalam talian.

Sokongan

TEMA 5: Pelajar mendapat sokongan keluarga untuk memenuhi keperluan mengakses platform pembelajaran dalam talian.

Berdasarkan maklum balas responden 1 dan 2 di bahagian soalan kunci nombor 4 dan 7, pengkaji melihat pelajar mendapat sokongan keluarga untuk memenuhi keperluan mengakses platform pembelajaran dalam talian. Hal ini kerana responden 1 mengatakan bahawa, “Saya banyak aplikasi dalam telefon sampai penuh jadi ayah saya belikan saya *laptop*.” Responden 2 mengatakan bahawa, “Jika Internet tiada, saya pinjam *hot spot* Internet kakak saya”; “Ayah saya yang bayar untuk Internet kami.” Berdasarkan maklum balas responden 1 berkata, “Jika data saya dah berkurang sangat sehinggalah Google Meet tidak dapat akses, saya akan guna hotspot internet mak dan ayah saya”; “Mak dan ayah saya boleh saja berkongsi internet dengan saya.” Walau bagaimanapun, pada soalan pengenalan (S1), responden 2 ada mengatakan bahawa, “Pembelajaran dalam talian tidak sesuai untuk sesetengah pihak yang tiada internet dengan gadget ataupun yang perlu berkongsi gadget dengan adik-beradik.” Data yang dikumpul menunjukkan pelajar tiada masalah untuk meminta bantuan daripada keluarga mereka dan keluarga mereka juga difahamkan telah menyediakan keperluan selengkap yang mungkin bagi memudahkan proses pembelajaran dalam talian anak mereka.

TEMA 6: Pelajar memerlukan bantuan rakan jika menggunakan platform pembelajaran dalam talian yang baharu.

Responden 1 telah memberikan maklum balas pada soalan pengenalan (S2) dan kunci (S3) yang menunjukkan bahawa pelajar memerlukan bantuan rakan jika menggunakan platform pembelajaran dalam talian yang baharu. Data ini disokong lagi melalui maklum balas oleh responden 1 yang mengatakan bahawa, “Padlet saya baru guna, saya tak faham nak guna, saya perlu tanya kawan cara nak hantar kerja.” Melalui data temu bual tersebut, pengkaji mendapati pelajar tiada masalah untuk mempelajari penggunaan satu-satu platform yang baharu tetapi pelajar memberitahu bahawa mereka akan memerlukan bantuan rakan jika tidak pernah menggunakan platform pembelajaran yang baharu diperkenalkan oleh guru.

Kelengkapan peralatan

TEMA 7: Pelajar menggunakan lebih dari satu gadget untuk akses platform pembelajaran dalam talian.

Pengkaji melihat maklum balas responden 1 untuk soalan kunci nombor 4 menunjukkan bahawa pelajar menggunakan lebih daripada satu gadget untuk akses platform pembelajaran dalam talian. Responden 1 mengatakan bahawa, "Saya terpaksa kongsi telefon dengan adik saya untuk masuk Google Meet"; "Ayah saya beli *laptop* untuk kemudahan macam kalau saya tidak boleh muat turun aplikasi dekat telefon, saya boleh guna *laptop*." Responden 1 mengatakan bahawa: "Walaupun saya ada *laptop* tapi saya guna telefon sebab dah terbiasa guna telefon. *Laptop* jarang guna, sesekali sahaja guna"; "Telefon pula kecil jadi gambar tidak puas tengok perlu di *zoom-zoom*, jadi beli *laptop* untuk kemudahan kami." Bukan itu sahaja, responden 1 turut mengatakan "Kalau telefon sedang cas, saya guna *laptop*." Maklum balas responden 1 menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kelengkapan peranti mudah alih yang mencukupi untuk mengakses platform pembelajaran dalam talian dan mempunyai lebih daripada satu gadget.

Pengetahuan teknologi

TEMA 8: Pelajar dapat menambah ilmu pengetahuan teknologi apabila menggunakan platform pembelajaran dalam talian.

Merujuk kepada maklum balas responden 1 pada soalan kunci (S2) dan penutup (S1), menunjukkan bahawa pelajar dapat menambah ilmu pengetahuan teknologi apabila menggunakan platform pembelajaran dalam talian. Responden 1 mengatakan bahawa, "Saya dapat tahu banyak pengetahuan teknologi"; "Kalau tidak ada kelas secara dalam talian ini saya pun tidak tahu ada platform pembelajaran dalam talian macam Google Meet dan Google Classroom." Bukan itu sahaja, melalui pengalaman responden 1 dalam menggunakan platform pembelajaran dalam talian ini telah mengatakan bahawa, "Perkara atau maklumat yang saya tidak tahu boleh saya google atau tengok dekat Youtube." Kesimpulannya, melalui maklum balas temu bual yang dijalankan tersebut, pengkaji dapat lihat, pelajar dapat menambah ilmu pengetahuan teknologi apabila menggunakan platform pembelajaran dalam talian.

Cabaran Yang Dihadapi Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Penggunaan Platform Pembelajaran Dalam Talian Sewaktu Pandemik Covid-19.

Kesukaran memberikan jawapan

TEMA 1: Pelajar sukar memberikan jawapan dalam bentuk tulisan ketika menggunakan platform pembelajaran dalam talian.

Pada soalan transisi (S2), responden 2 telah memberikan maklum balas mengenai cabaran dan isu yang dihadapi ketika menggunakan platform pembelajaran dalam talian sewaktu pandemik COVID-19. Responden 2 mengatakan bahawa, "Saya tidak dapat bagi jawapan yang panjang dalam Google Form. Saya nak Google Form tiada limit patah perkataan sebab senang nak hurai." Maklum balas yang diberikan oleh responden 2 menunjukkan bahawa pelajar sukar memberikan jawapan dalam bentuk tulisan ketika menggunakan platform pembelajaran dalam talian. Responden 2 mengatakan bahawa, "Saya nak Google Form tu kalau bila letak jawapan, kita boleh letak ikut jawapan kita sebab jawapan yang ditetapkan macam tidak boleh huruf besar dan tidak boleh ada titik"; "Jawapan yang perlu letak perlu sama dengan jawapan yang ditetapkan maksudnya kalau ada huruf besar pun jawapan saya salah." Responden 2 mengatakan bahawa, "Saya dah bagi tahu cikgu jawapan saya sebenar dan cikgu dah betulkan." Melalui maklum balas yang diberikan, pelajar menghadapi masalah dalam memberikan jawapan apabila membuat latihan yang diberikan oleh guru dalam platform pembelajaran dalam talian.

Gangguan capaian internet

TEMA 2: Pelajar menghadapi masalah *lagging* dan kesukaran untuk berkomunikasi dengan guru apabila Internet tidak stabil ketika menggunakan platform pembelajaran dalam talian.

Menurut maklum balas responden 1 dan 2 dalam soalan kunci (S1) (S3) (S5), cabaran pelajar dalam menggunakan platform pembelajaran sewaktu pandemik COVID-19 ini adalah pelajar menghadapi masalah *lagging* dan kesukaran untuk berkomunikasi dengan guru apabila Internet tidak stabil. Responden 1 mengatakan bahawa, "Kalau jaringan internet saya tidak baik, saya tidak dapat dengar cikgu cakap"; "Cikgu ada buat Google Meet, tidak tahu sama ada Internet saya atau cikgu yang bermasalah. Cikgu ada panggil saya tapi saya tidak berapa dengar, saya tanya cikgu semula, cikgu kata tidak panggil saya pun." Responden 1 juga menceritakan bahawa, "Saya tengah baca maklumat yang cikgu suruh tapi maklum balas cikgu agak lambat sebab Internet"; "Maklumat lambat sampai." Responden 2 mengatakan bahawa "Komunikasi terganggu dan kadang-kadang tidak lancar sistemnya." Data yang dikumpul menunjukkan pelajar berhadapan dengan isu sistem tidak lancar disebabkan gangguan internet semasa menggunakan platform pembelajaran dalam talian.

TEMA 3: Pelajar tidak dapat akses platform pembelajaran dalam talian apabila hujan lebat dan ketika data Internet sudah berkurang/habis.

Responden 1 dan 2 memberikan maklum balas bahawa pelajar tidak dapat akses platform pembelajaran dalam talian apabila hujan lebat dan ketika data Internet sudah berkurang/habis. Responden 1 yang mengatakan bahawa: "Ada masa sebab hujan mengganggu internet saya, ada masa mungkin sebab telefon saya data dah berkurang atau internet sudah habis"; "Saya dah guna banyak data

sebelum-sebelum ini yang menjadikan data saya makin perlahan dan berkurang.” Walau bagaimanapun, responden 1 dapat mendalami isu tersebut melalui bantuan keluarga iaitu beliau mengatakan bahawa: “Mak dan ayah saya boleh saja berkongsi Internet dengan saya.” Responden 2 turut mengatakan isu yang sama dengan responden 1 iaitu “Puncanya sebab hujan biasanya dan mengganggu *wifi* saya”; “Kalau tiada internet pun susah sebab sekarang musim hujan, Internet selalu tiada. Lagi-lagi kalau petir.” Responden 2 mengatasi cabaran tersebut melalui pertolongan kakaknya, “Kakak saya ada Internet saya guna *hot spot* dia.” Melalui data yang diperolehi daripada responden 1 dan 2 menunjukkan bahawa pelajar berhadapan dengan isu tidak dapat akses platform pembelajaran apabila cuaca tidak menentu seperti hujan, hujan lebat atau petir.

TEMA 4: Pelajar tidak dapat hadir ke kelas dalam talian kerana tiada internet untuk akses platform pembelajaran dalam talian.

Responden 1 dan 2 pada soalan kunci (S4) (S7) (S8), menunjukkan bahawa cabaran yang terpaksa pelajar sekolah menengah hadapi dalam menggunakan platform pembelajaran dalam talian adalah pelajar tidak dapat hadir ke kelas dalam talian kerana tiada internet untuk akses platform pembelajaran dalam talian. Responden 1 mengatakan bahawa, “Saya pernah tidak dapat akses kelas yang cikgu buat dalam Telegram macam kaedah Google Meet sebab masalah Internet”; “Kalau macam saya tekan *link* tidak dapat akses juga platform pembelajaran, jadi saya tidak hadir kelas pada hari itu.” Responden 2 pula mengatakan bahawa, “Kalau saya tiada Internet saya tidak boleh akses platform pembelajaran”; “Saya tidak dapat masuk kelas tetapi cikgu-cikgu yang mengajar saya semua jenis memahami.” Pengkaji mendapati bahawa pelajar terpaksa tidak menghadiri kelas disebabkan masalah internet yang mengakibatkan mereka tidak dapat mengakses platform pembelajaran. Walau bagaimanapun, responden 2 mengatasi masalah ketidakhadiran kelas dalam talian dengan cara, “Kalau tiada internet, saya akan hubungi atau mesej cikgu bagi tahu yang saya tidak dapat masuk kelas sebab ada masalah Internet.” Pengkaji mendapati bahawa pelajar terpaksa tidak menghadiri kelas disebabkan masalah internet yang mengakibatkan mereka tidak dapat mengakses platform pembelajaran.

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, terdapat 8 tema bagi pengalaman pelajar sekolah menengah menggunakan platform pembelajaran dalam talian sewaktu pandemik COVID-19 dan 4 tema cabaran yang dihadapi pelajar sekolah menengah terhadap penggunaan platform pembelajaran dalam talian sewaktu pandemik COVID-19. Pengalaman pelajar menggunakan platform pembelajaran dalam talian sewaktu COVID-19 boleh dikategorikan kepada beberapa bahagian iaitu dari segi kemudahan sistem, sokongan, kelengkapan peralatan, dan pengetahuan teknologi. Kecenderungan pelajar dalam menggunakan platform pembelajaran semestinya dipengaruhi oleh persepsi kemudahan dari segi kualiti sistem platform itu harus mesra untuk digunakan (Muhammad Izuan Abd Gani, Nur Aina Abdulahi & Nur Hafizah Abd Aziz, 2020). Sokongan daripada keluarga dan rakan-rakan juga penting untuk menjamin kemudahan pelajar dapat mengakses platform pembelajaran dalam talian sewaktu pandemik COVID-19. Kelengkapan peralatan perlu diberi kepentingan oleh ibu bapa untuk membantu pelajar dapat belajar dengan baik secara dalam talian. Murid yang mempunyai sokongan fasiliti seperti laptop dan kouta internet akan cenderung mempunyai persepsi yang positif kerana tidak mempunyai masalah untuk mengakses platform pembelajaran dalam talian (Sunariyo dan Endan Suwandana, 2021). Pelajar juga akan mendapat pengetahuan baru dalam menggunakan platform pembelajaran dalam talian.

Data yang diperoleh juga menunjukkan pelajar berhadapan dengan 4 tema cabaran dalam menggunakan platform pembelajaran dalam talian sewaktu pandemik COVID-19 yang boleh dikategorikan dari segi kesukaran memberikan jawapan dan gangguan capaian internet. Kesukaran menjawab soalan dalam platform pembelajaran dalam talian akan menyebabkan pelajar tidak mendapat markah yang sepatutnya diperolehi. Gangguan capaian internet yang disebabkan oleh banyak faktor termasuk cuaca akan mengganggu pelajar mengakses platform pembelajaran dalam talian. Lebar jalur internet yang rendah akan menyebabkan murid tidak dapat mengikuti sesi kelas dengan lengkap (Maryam Shafiei Sarvestani, Mehdi Mohammadi, Jalil Afshin, dan Laleh Raeisy, 2019). Pelajar akan banyak ketinggalan jika mereka mempunyai rangkaian jalur lebar internet yang rendah. Oleh itu, semua pihak terutama pihak sekolah, guru, ibu bapa dan kementerian perlu memastikan pelajar mempunyai pengalaman yang baik dalam menggunakan platform pembelajaran dalam talian sewaktu pandemik COVID-19 supaya mereka tidak ketinggalan dalam pembelajaran.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian yang dilakukan ini adalah untuk meneroka pengalaman pelajar sekolah menengah terhadap penggunaan platform pembelajaran dalam talian sewaktu pandemik COVID-19. Kita tahu ramai yang terkesan apabila sekolah diisytiharkan tutup akibat tercetusnya wabak COVID-19 ini. Pihak utama yang terjejas ekoran penutupan sekolah adalah para pelajar, guru, pihak sekolah, pihak kementerian, dan juga ibu bapa. Kita wajar menitikberatkan keperluan pelajar sekolah menengah kerana rata-rata ini adalah pertama kali bagi kelompok mereka dalam menjalani kaedah pembelajaran secara dalam talian. Bagi mereka, kaedah ini sesuatu yang baru dan agak mengejutkan ditambah dengan luahan daripada ramai guru, pelajar, serta ibu bapa yang memaklumkan bahawa mereka masih belum atau tidak bersedia menghadapi cara pembelajaran seperti ini. Akhirnya, dapatan kajian ini diharapkan dapat membuka mata masyarakat lebih-lebih lagi kepada pihak pemegang taruh dalam sektor pendidikan dalam Negara ke arah lebih memahami pelbagai isu dan cabaran berbangkit yang dialami oleh para pelajar sekolah menengah dalam menggunakan platform pembelajaran dalam talian sewaktu pandemik COVID-19.

RUJUKAN

Rujukan buku

Braun, V. & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3, 77-101.

Rujukan artikel jurnal

Abdul Rashid Abdul Aziz, Amin Al Haadi Shafie, Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee, & Raja Nur Syafiqah Raja Ashaari. (2020). Strategi Pembangunan Aspek Kesejahteraan Kendiri bagi Mendepani Tekanan Akademik Semasa Wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 16-30. Diperoleh daripada <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.594>

Dewi Surani & Hamidah. (2020). Students Perceptions in Online Class Learning During the Covid-19 Pandemic. *International Journal on Advanced Science, Education, and Religion*, 3(3), 83-95. Diperoleh daripada <https://scholar.google.co.id/citations?user=SKmF1FgAAAAJ&hl=en>

Fenny Lau Yeo Feng, Kee Guek Fen, Khoo Phau Liang, & Lee Huoy Shin. (2021). Kaedah Pengajaran Dalam Talian Guru Bahasa Melayu Dan Motivasi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, 11(1), 57-74. Diperoleh daripada <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/257>

Maryam Shafiei Sarvestani, Mehdi Mohammadi, Jalil Afshin, & Laleh Raeisy. (2019). Students' Experiences of E-Learning Challenges a Phenomenological Study. *Interdiscip J Virtual Learn Med Sci*, 10(3), 1-10. Diperoleh daripada https://ijvlms.sums.ac.ir/article_45841.html

Moira Maguire & Brid Delahunt. (2017). Doing a Thematic Analysis: A Practical, Step-by-Step Guide for Learning and Teaching Scholars. *Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AISHE-J)*, 8(3), 3351-33514. Diperoleh daripada <https://ojs.aishe.org/index.php/aishe-j/article/view/335>

Roslina Mohd Nor, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, & Hamdzun Haron. (2020). Meneroka Kaedah Pengajaran Guru Cemerlang Pendidikan Seni Visual Selangor (GCPSV): Satu Kajian Kes. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(5), 125-140. Diperoleh daripada <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/394>

Sunariyo & Endan Suwandana. (2021). Implementasi Google Classroom Pada Pembelajaran Fisika dan Permasalahannya di SMAN 1 Merawang. *Jurnal Pendidikan Rokania*, 6(1), 101-111. Diperoleh daripada <https://docplayer.info/214105390-Implementasi-google-classroom-pada-pembelajaran-fisika-dan-permasalahannya-di-sman-1-merawang.html>

Zawiah Bahrom. (2020). Pedagogi Norma Baharu: Cabaran Dan Hikmah. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*, 3, 74-85. Diperoleh daripada <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jrk/article/view/9896>

Rujukan kertas persidangan

Azlan Shaiful Baharum, Khairul Asyraf Mohd Nathir, & Amani Nawi. (2020). Persepsi Pelajar Sorof II (Bal1023) Terhadap Pembelajaran Dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (Pkpp): Satu Tinjauan. *E-Proceeding : Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS 2020)*. Diperoleh daripada <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/6842>

Muhammad Izuan Abd Gani, Nur Aina Abdulahi & Nur Hafizah Abd Aziz. (2020). Penerimaan Pelajar Terhadap Penggunaan Microsoft Teams Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi Sepanjang Pandemik Covid-19. *E-Proceeding: Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS 2020)*. Diperoleh daripada <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/6837>

Muhamad Nazri Abdul Rahman, Mohd Nazri Hassan, & Siti Nurashiken Md Sabuddin. (2020). Covid-19: Kecenderungan Meneruskan Penggunaan Platform Pembelajaran Dalam Talian Dalam Kalangan Guru Pra

Perkhidmatan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *International Conference On Educational Research (InCER 2020)*. Diperoleh daripada https://www.researchgate.net/publication/348677454_COVID-19_Kecenderungan_Meneruskan_Penggunaan_Platform_Pembelajaran_Dalam_Talian_dalam_Kalangan_Guru_Pra_Perkhidmatan_Semasa_Perintah_Kawalan_Pergerakan.

Rujukan tesis/disertasi

Kalai Selvan Arumugham. (2018). *Merancang, Melaksana Dan Mentaksir Dalam Konteks Pentaksiran Berasaskan Sekolah: Kajian Kes Guru-Guru Prinsip Perakaunan Tingkatan Empat* (Disertasi Kedoktoran). Universiti Utara Malaysia. Diperoleh daripada <https://etd.uum.edu.my/id/eprint/7488>

Murders, Michael, "A Phenomenological Study of the Online Education Experiences of College Students with Learning Disabilities" (2017). Theses and Dissertations. 2518. <http://scholarworks.uark.edu/etd/2518>

Zuridah Hanim Md. Akhir. (2018). *Amalan Terbaik Kepimpinan Literasi Pengetua Dalam Meningkatkan Motivasi Dan Minat Membaca Pelajar Menerusi Program Nilam: Kajian Kes Di Negeri Kedah* (Disertasi Kedoktoran). Universiti Utara Malaysia. Diperoleh daripada <http://etd.uum.edu.my/7447/>

Nur Iffah Aqilah Binti Ahmad Zabidi
Faculty of Business and Economics
Universiti Pendidikan Sultan Idri, Tanjung Malim
Email: nuriffah29@gmail.com

Rosfizah Binti Md. Taib
Faculty of Business and Economics
Universiti Pendidikan Sultan Idri, Tanjung Malim
Email: rosfizah@fpe.upsi.edu.my